



*Ruj. Tuan* :

*Ruj. Kami* :

*Tarikh* :

JK/MP 16/2

06 Mac 2012

Semua Hakim  
Mahkamah Sesyen  
**SELURUH MALAYSIA**

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
**SELURUH MALAYSIA**

Semua Majistret  
Mahkamah Majistret  
**SELURUH MALAYSIA**

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

**KES-KES MELIBATKAN ORANG TAK SEMPURNA AKAL DI BAWAH SEKSYEN  
342 KANUN PROSEDUR JENAYAH (AKTA 593)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia telah menerima aduan dari Pakar Perunding Kanan Forensik Psikiatri, Hospital Bahagia, Ulu Kinta di mana terdapat pegawai-pegawai kehakiman tidak mematuhi peruntukkan dibawah seksyen 342 Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) semasa memberikan perintah jika didapati tertuduh disyaki tak sempurna akal.

3. Mengikut peruntukan di bawah seksyen 342 sub-seksyen (3) KPJ (Akta 593) mahkamah boleh menahan tertuduh jika didapati tidak siuman selama **tidak lebih dari satu bulan** di mana-mana hospital psikiatrik di dalam Malaysia. Jika pihak hospital psikiatrik mendapati tertuduh memerlukan pemerhatian lanjut, mahkamah boleh di bawah seksyen 342 sub-seksyen (4) melanjutkan tempoh tahanan selama tempoh **tidak lebih dari dua bulan**. Walaubagaimanapun terdapat pegawai kehakiman yang memberikan perintah penahanan lebih daripada satu bulan atau memerintahkan tertuduh ditahan selama tiga bulan berturut-turut dalam satu perintah yang mana ianya adalah salah dan tidak mengikut peruntukan undang-undang. Jika pihak hospital psikiatri memaklumkan bahawa laporan perubatan psikiatri telah siap lebih awal, YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dikehendaki untuk membawa ke hadapan tarikh sebutan kes tersebut untuk didengar.

...2/-

4. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk lebih peka dan menyemak peruntukan undang-undang terlebih dahulu sebelum membuat keputusan bagi mengelak sebarang kekeliruan. Kerjasama Y. Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)**  
Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**  
☎ +603 8880 3782  
☎ +603 8880 3886  
✉ [cr@kehakiman.gov.my](mailto:cr@kehakiman.gov.my)

**s.k**

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Pengarah Mahkamah Negeri  
Mahkamah Sesyen  
**SELURUH MALAYSIA**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**